

27 JUN 2018

## AADK gempur ladang kelapa sawit, berkas 20 penagih

### AADK gempur ladang kelapa sawit, berkas 20 penagih



ANTARA individu yang ditahan selepas dipercayai terlibat dalam aktiviti penagihan dadah dalam serbuan AADK di ladang kelapa sawit di Kuala Bakong, Baling semalam.

BALING - Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) menggempur sebuah ladang kelapa sawit di Kuala Bakong, Kuala Ketil dekat sini semalam yang dijadikan sebagai sarang penagihan dadah dalam kalangan penduduk tempatan.

Dalam serbuan menerusi Ops Perdana bermula dari pukul 4 pagi hingga 11 pagi itu, seramai 20 individu ditahan selepas dipercayai terlibat dalam pengambilan dadah.

Ketua AADK Baling, Mohd. Nasir Mohd. Radzi berkata,

semua penagih yang ditahan berusia antara 22 hingga 56 tahun dan kebanyakan daripada mereka berada dalam khayal ketika serbuan dilakukan.

"Hasil risikan yang dilakukan, kita mendapati penagih menjadikan kawasan ladang kelapa sawit sebagai tempat mereka melepaskan gian.

"Kesemua yang ditahan kemudian dibawa ke pejabat AADK Baling dan ujian saringan air kencing mendapati 19 daripadanya positif morfin dan seorang positif ganja," ka-

tanya dalam kenyataan di sini semalam.

Mohd. Nasir berkata, operasi terbabit turut mendapat bantuan Unit Antidadah Sempadan (UAS) Bukit Kayu Hitam yang membantu mengepung kawasan ladang.

"Semua tahanan disiasat mengikut Seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1988 dan ditahan reman di Pusat Tahanan Reman (PTR) AADK sementara siasatan kes dijalankan," katanya.